A

Pendakwa Raya lwn Muhammad Kasyfullah bin Kassim

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45(SO)-13–02 TAHUN 2015
MOHAMAD SHARIFF PK
3 MEI 2016

C

Prosedur Jenayah — Hukuman — Hukuman yang sesuai — Tertuduh dipertuduh atas tuduhan memberi sokongan kepada berlakunya perbuatan pengganas di bawah s 130J(1)(b) Kanun Keseksaan — Tertuduh mengaku salah dan disabitkan atas pertuduhan — Bentuk hukuman yang bersesuaian terhadap tertuduh atas sabitan pertuduhan — Kanun Keseksaan s 130J

D

Tertuduh bersama-sama dengan tiga lagi rakannya telah berlepas ke Istanbul melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan menggunakan jalan darat dari Istanbul untuk memasuki Syria. Berdasarkan keterangan, tertuduh telah memberi sokongan dan telah memainkan peranan serta bernaung di dalam kumpulan pengganas Islamic State ('IS') namun tertuduh
E tidak berbaiah kepada kumpulan IS tersebut. Tertuduh juga telah menjalani latihan ketenteraan dan menyertai beberapa siri peperangan melibatkan penggunaan senjata api ketika berada di Syria. Tertuduh kemudian telah dipertuduh dengan pertuduhan memberi sokongan kepada berlakunya perbuatan pengganas di bawah s 130J(1)(b) Kanun Keseksaan ('Kanun') yang
F boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. Atas pengakuan salah oleh tertuduh, tertuduh telah disabitkan atas pertuduhan tersebut. Prosiding ini adalah berkenaan dengan keputusan mahkamah terhadap hukuman yang patut dikenakan ke atas tertuduh atas sabitan pertuduhan tersebut.

G

Diputuskan, mensabitkan dan menghukum tertuduh:

(1) Hukuman yang hendak dikenakan terhadap perayu mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, 'seriousness' kesalahan dan tahap penglibatan pesalah-pesalah itu sendiri. Dalam menentukan suatu
H hukuman yang setimpal, mahkamah berperanan untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada 'aggravating factor' dan 'mitigating factor' sebelum sesuatu hukuman dilupuskan (lihat perenggan 20–21).

(2) Walaupun hukuman bagi kesalahan perayu di bawah s 130J Kanun tidak
I menetapkan hukuman pemenjaraan secara mandatori, namun memandangkan keseriusan kesalahan yang berkaitan dengan unsur keganasan, hukuman penjara adalah wajar bagi memberikan tauladan kepada masyarakat umum supaya menjauhi kesalahan seumpama itu. Kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan mengatasi

kepentingan seseorang tertuduh dalam menghadapi kesalahan yang melibatkan keganasan dengan tanpa mengira keganasan tersebut berlaku di dalam negara mahupun di luar negara (lihat perenggan 23).

(3) Dalam kes ini, tertuduh tidak pernah berbaiah (bersumpah) kepada kumpulan IS tersebut dan tidak terdapat apa-apa fakta menjuruskan kepada perbuatan dan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh itu mempengaruhi mana-mana pihak di negara ini untuk menyertai perjuangan di Syria. Sebagai pesalah muda dan pesalah pertama, hukuman pemenjaraan untuk tempoh yang panjang terhadap tertuduh tidak membawa apa-apa kebaikan kepada masyarakat, kepentingan awam, tertuduh dan keluarga tertuduh malahan akan mendatangkan lebih keburukan. Mahkamah mendapati bahawa tempoh pemenjaraan yang singkat telah mencapai matlamat memberi pengajaran serta pemulihan kepada masyarakat umum dan juga tertuduh. Selain itu, mahkamah juga mendapati tertuduh hanyalah berperanan untuk cuba mengikuti jejak langkah rakan-rakannya untuk berjuang ke Syria dan tertuduh bukanlah perancang utama dalam misi dan mengetuai perjuangan ke Syria. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa hukuman lima tahun penjara mulai dari tarikh tangkap terhadap tertuduh adalah memadai dan setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan (lihat perenggan 26–32).

[English summary

The accused together with another three friends had departed for Istanbul via Kuala Lumpur International Airport and by road from Istanbul to enter Syria. Based on the evidence, the accused had been providing support and had played a role as well in the auspices of the Islamic State terrorist group ('IS') but the accused did not pledge allegiance to the IS group. He also underwent military training and participated in a series of wars involving the use of firearms while in Syria. The accused had been charged with counts of providing support to the occurrence of terrorist acts under s 130J(1)(b) of the Penal Code ('the Code') and was punishable under the same section. On a plea of guilty by the accused, the accused was convicted of the charge. These proceedings was in respect of the decision of the court on the sentence that should be imposed on the accused upon conviction of the charges.

Held, convicting and sentencing the accused:

(1) The penalties to be imposed on the appellant must commensurate with the offence committed, the 'seriousness' of the offence and the degree of involvement of the offenders themselves. In determining an appropriate sentence, the court's role is to give due consideration to the 'aggravating factor' and the 'mitigating factor' before a sentence is disposed (see paras 20–21).

(2) Although the penalty for the offence of the appellant under s 130J of the Code does not set a mandatory sentence of imprisonment, but in view of the seriousness of the offences related to violence, the sentence of imprisonment was appropriate to provide a benchmark for the general public to avoid such errors. Public interest should be given priority over the interest of an accused person to deal with offences involving violence, irrespective of the prevailing violence within the country or abroad (see para 23).

(3) In this case, the accused had never pledged allegiance (oath) to the IS group and there were no any words which lead to deeds and offences committed by the accused that affected any part of the country to join the fight in Syria. As a young and first offender, the sentence of imprisonment for a long period against the accused did not bring any good to the public, the public interest, the accused and the accused family but will bring even more harm. The court found that a short period of imprisonment had achieved the aim of teaching and healing the general public and also the accused. In addition, the court also found that the accused was in a position to try to follow the footsteps of his colleagues to fight to Syria and the accused was not a playmaker in the mission and led the fight to Syria. Therefore, the court ruled that sentence of five years imprisonment from the date of arrest against the accused was adequate and commensurate with the crimes that had been committed (see paras 26–32).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman yang sesuai, lihat 5(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 4110–4112.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167; [1987] 1 MLRA 43; [1987] 2 CLJ 405, MA (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Abdul Halim Ishak dan satu lagi [2013] MLRAU 235; [2013] 9 CLJ 559, MR (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Ummi Kalsom Bahak [2015] MLRHU 870; [2015] 7 CLJ 503, MT (dirujuk)

PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315; [1981] 1 MLRA 413 (dirujuk)

PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 MLRH 23; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)

PP v Dato' Waad bin Mansor [2005] 2 MLJ 101 ; [2005] 1 MLRA 1 ; [2005] 1 CLJ 421, MP (dirujuk)

R v Ball (1951) 35 Cr App Rep 164, MR (dirujuk)

R v Ipeelee [2012] 1 SCR 433, MA (dirujuk)

R v Sargeant (1974) 60 Cr App Rep 74, MR (dirujuk)

Yusmarin bin Samsudin v PP [1999] 4 MLJ 625; [1999] 1 MLRA 477; [1999] 4 CLJ 391, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 90A

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Kanun Keseksaan ss 130B, 130J, 130J(1)(b)

Mohamad Mustaffa bin Kunyalam (Noor Svetlana bt Mohd Noor Nordin bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.

Azizul Shariman (Nadzatun Naim dan Sharifah Nor Asma bersamanya) bagi pihak defendan.

Mohamad Shariff PK:

LATAR BELAKANG KES

[1] Tertuduh telah dihadapkan dengan satu kes utama yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan keganasan. Atas pengakuan bersalah oleh OKT, tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan atas tuduhan yang dibacakan seperti berikut:

> Pertuduhan pilihan
>
> Bahawa kamu antara 28 Disember 2013 hingga 7 April 2014 dengan pengetahuan, telah memasuki Syria dengan menaiki pesawat melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA') di dalam Daerah Sepang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, memberi sokongan kepada berlakunya perbuatan pengganas yang melibatkan penggunaan senjata api dan perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan ideologi dan perbuatan tersebut boleh semunasabahnya dianggap sebagai diniatkan untuk menggugat orang awam di Syria; oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 130J(1)(b) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah s 130J Kanun yang sama.
>
> Hukuman
>
> Sekiranya disabitkan dengan kesalahan, hendaklah dihukum penjara seumur hidup atau penjara selama tempoh tidak melebihi 30 tahun, atau denda, dan boleh dirampas mana-mana harta yang telah digunakan atau diniat untuk digunakan bagi melakukan kesalahan itu.

FAKTA KES

[2] Keterangan menunjukkan bahawa pada 28 Disember 2013 tertuduh telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA') ke

Istanbul Turki. Tertuduh kemudian telah memasuki Syria melalui Turki dan telah berada di sana sehingga kembali semula ke Malaysia pada 7 April 2014 melalui KLIA.

[3] Tertuduh telah berlepas ke Syria melalui Turki bersama-sama rakan-rakannya warganegara Malaysia iaitu Mohamad Fauzi bin Misrak (juga dikenali sebagai Abu Dayan), Mohamad Naim bin Abd Rashid (juga dikenali sebagai Abu Naim), dan Aqif Heusen bin Rahizat (juga dikenali sebagai Abu Suffian). Setelah sampai di Turki, tertuduh dan tiga rakannya Mohamad Fauzi bin Misrak ('Abu Dayan'), Mohamad Naim bin Abd Rashid ('Abu Naim'), dan Aqif Heusen bin Rahizat ('Abu Suffian') kemudiannya telah melalui jalan darat untuk memasuki Syria.

[4] Sebelum berlepas ke Syria, tertuduh telah menjual sebidang tanah kepada abang iparnya yang bernama Ahmad bin Abdullah dengan nilai sebanyak RM10,000 pada 24 Disember 2013. Tertuduh kemudian telah menerima wang secara tunai sebanyak RM5,000 yang telah digunakan untuk membiayai perjalanan beliau ke Syria. Baki wang penjualan tanah tersebut kemudian cuma diberikan pada awal April 2015.

[5] Keterangan juga menunjukkan bahawa tertuduh telah meminta pertolongan rakannya yang berada di Malaysia iaitu penama Hazini bin Hamid untuk memasukkan wang pemberian Ahmad bin Abdullah ke dalam akaun penama A'aidah bt Saiddudin sebanyak RM2,700 dan RM1,000 pada 5 April 2016. Wang sebanyak RM3,700 tersebut telah digunakan oleh tertuduh untuk membiayai tiket dan kos perjalanan balik ke Malaysia melalui Turki oleh tertuduh dengan menggunakan penerbangan Malaysia Airlines.

[6] Keterangan juga menunjukkan bahawa tertuduh telah memberi sokongan dan telah memainkan peranan serta bernaung di dalam kumpulan pengganas Islamic State ('IS') semasa berada di Syria. Walau bagaimanapun tertuduh tidak berbalah kepada kumpulan IS tersebut.

[7] Selain itu, tertuduh dan rakan-rakannya juga telah melakukan ribat iaitu sentri bagi menjaga kawasan rumah penginapan para Mujahidin. Tertuduh juga dibekalkan dengan senjata api yang dibekalkan oleh IS iaitu jenis AK-47.

[8] Semasa berada di Syria, tertuduh juga telah menjalani latihan ketenteraan bersama-sama rakannya yang merupakan warganegara Malaysia iaitu Mohamed Naim bin Abd Rashid. Tertuduh juga telah memberitahu rakan-rakannya yang bernama Hazini bin Hamid dan Muhammad Annuar bin Man bahawa beliau menyertai peperangan semasa berada di Syria dan pernah melepaskan tembakan.

[9] Tertuduh juga telah memberitahu dan memuatnaik gambar-gambar semasa beliau berada di Syria antara 28 Disember 2013 sehingga 7 April 2014 di dalam akaun laman social 'Facebook' milik beliau yang bernama 'Oltimet Wo Rio' dan didaftarkan di dalam pengkalan data Facebook sebagai 'oltimet rio'.

[10] Sementara berada di Syria, tertuduh juga sering berhubungan dengan rakannya yang bernama Muhammad Annuar bin Man melalui aplikasi 'whatsapp' semasa berada di Syria. Didalam perbualan tersebut, tertuduh telah memaklumkan bahawa beliau telah dibekalkan dengan senjata api semasa berada di Syria. Tertuduh juga berkongsi gambar dengan Muhammad Annuar bin Man melalui aplikasi 'whatsapp' tersebut. Tertuduh juga telah memberitahu penama Hazini bin Hamid bahawa beliau telah menyertai beberapa siri peperangan melibatkan penggunaan senjata api untuk menentang pemerintahan Rejim Bashar Al Assad semasa berada di Syria.

[11] Berdasarkan kepada keterangan yang ada, tertuduh telah melakukan kesalahan memberikan sokongan kepada Kumpulan Pengganas Islamic State dengan cara bernaung di bawah kumpulan pengganas tersebut walaupun tidak berbalah kepada kumpulan tersebut. Keterangan juga menunjukkan bahawa tertuduh telah memberikan sokongan kepada berlakunya perbuatan pengganas yang melibatkan penggunaan senjata api. Perbuatan tersebut telah dilakukan dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan ideology yang semunasabahnya dianggap sebagai diniatkan untuk mengugut orang awam di Syria. Oleh yang demikian, tertuduh telah melakukan suatu kesalahan dibawah s 130J(1)(b) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen peruntukan yang sama.

EKSHIBIT-EKSHIBIT YANG DIKEMUKAKAN

(a) senarai borang gelidah bagi No Repot Bandar Baru Rpt No 1257/14 — ('P5');

(b) senarai borang gelidah bagi No Repot THSL 019647/14 — ('P5');

(c) gambar-gambar tempat kejadian (64 keping) — ('P7(1) hingga P(64)');

(d) sijil menurut s 90A Akta Keterangan 1950 bertarikh 28 November 2014 — ('P8');

(e) gambar-gambar passport (lima keping) — ('P9(1) hingga (5)');

(f) sijil menurut s 90A Akta Keterangan 1950 bertarikh 28 November 2014 — ('P10');

(g) rekod pergerakan keluar masuk OKT daripada Bahagian Keselamatan Passport dan Passport Malaysia — ('P11(1) hingga (4)');

(h) penyata akaun A'Aidah bt Saidduddin — ('P12(1) hingga (15)');

(i) maklumat-maklumat dalam akaun Facebook:

(i) *Certificate Relating To Foreign Evidence* oleh Peguam Negara Malaysia — ('P13')

(ii) Form 2 MACA (3 salinan) daripada pihak *records of Facebook* ('P14(a), (b), (c)')

(iii) CD mengenai Islamic State MLAT bertarikh 8/12/2015 — ('P15')

(j) laporan MCMC — ('P16');

(k) pen drive DF2014-DEC-04–12 Secret Too1 — ('P17');

(l) laporan polis, THSL Repot No THSL/019647/14 — ('P18');

(m) laporan polis, Serdang Repot No Serdang Repot No (KH)/ 003230/14 — ('P19');

(n) laporan polis, Bandar Bharu Repot No 001256/14 — ('P20');

(o) laporan polis, Bandar Bharu Repot No 001258/14 — ('P21');

(p) laporan polis, Bandar Baru Repot No 001258/14 — ('P22'); dan

(q) salinan passport antarabangsa No A 30934402 — ('P23');

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[12] Dalam menentukan apakah bentuk hukuman yang bersesuaian terhadap tertuduh, mahkamah ini sering merujuk semula kepada prinsip asas dan objektif suatu hukuman itu dijatuhkan. Mahkamah ini ingin merujuk kepada penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101; [2005] 1 MLRA 1; [2005] 1 CLJ 421 yang mana mahkamah mengambil peringatan apa yang dinyatakan oleh Lawton LJ dalam kes *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 pada ms 77 mengenai prinsip penghukuman seperti berikut:

> Those classical principles are summed up in four words: retribution, deterrence, prevention and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those four classical principles in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing ...

[13] *In respect of retribution, His Lordship Lawton CJ said (as quoted in Dato' Waad*'s case):

> '... I will start with retribution. The Old Testament concept of an eye for an eye ang tooth for tooth no longer plays any partin our criminal law. There is however, another aspect of retribution which is frequently overlooked: it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime, ant the only way in which the courts can show this is by the sentences they pass. The courts

do not have to reflect public opinion. On the other hand courts must not disregards it. Perhaps the main duty of the courtis to lead public opinion ...'

[14] *I should also bear in mind what was said by His Lordship Lord Lawton CJ in R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74*, on deterrence His Lordship said:*

... there are two aspects of deterrence: deterrence of the offender and deterrence of likely offenders. Experience has shown over the years that deterrence of the offender is not a very useful approach, because those who have their wits about them usually find the closing of prison gates an experience which they do not want again. If they do not learn that lesson, there is likely to be a high degree of recidivism anyway. So far as deterrence of others is concerned, it is the experience of the courts that deterrence sentences are of little value in respect of offences which are committed on the spur of the moment, either in hot blood or in drink or both. Deterrent sentences may well be of considerable value where crime are premeditated. Burglars, robbers and users of firearms and weapons may well be put off by deterrent sentences ...

[15] *On prevention, His Lordship said:*

Unfortunately it is one of the facts of life that there are some offenders for whom neither deterrence nor rehabilitation works. They will go on committing crimes as long as they are able to do so. In those cases the only protection which the public has is that such persons should be locked up for a long period ...

[16] *On rehabilitation, His Lordship said:*

Finally, there is the principles of rehabilitation. Some 20 to 25 years ago there was a view abroad, held by many people in executive authority, that short sentences were of little value, because there was not enough time to give in prison the benefit of training. That view is no longer held as firmly as it was. This young man does not want prison training. It is not going to do him any good. It is hid memory of the clanging of prison gates which is likely to keep him from crime in the future ...

[17] *To my mind, the four classical principles taken together balance public interest and the interest of the offender. It is in the public interest that society's abhorrence of the crime committed be reflected in the punishment meted out. It is in the public interest that the punishment meted out is such that the offender and other offences.*

[18] Dalam menjatuhkan hukuman mahkamah telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315; [1981] 1 MLRA 413 di mana telah diputuskan bahawa:

'sentence according to law' means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section but it also be assessed and passed accordance with established judicial principles ...

[19] Mahkamah ini juga merujuk kepada kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App

Rep 164 apabila menyatakan:

> ... our law does not therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe ...

[20] Justeru itu, hukuman yang hendak dikenakan terhadap perayu mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan , 'seriousness' kesalahan dan tahap penglibatan pesalah-pesalah itu sendiri. Prinsip ini diakui dalam kes: *R v Ipeelee* [2012] 1 SCR 433:

> ... proportionality ... is not just a sanction. First, the principles ensures that a sentence reflects the gravity of the offence. ... it promotes justice for the victims and ensures public confidence in the system of justice. Secondly, the principles of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriates, given the moral blameworthiness of the offender ...

[21] Justeru itu, dalam menentukan suatu hukuman yang setimpal, adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada faktor-faktor 'aggravating factor' dan 'mitigating factor' sebelum sesuatu hukuman tersebut dilupuskan. Konsep ini juga dinyatakan dalam kes: *Yusmarin bin Samsudin v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 625; [1999] 1 MLRA 477; [1999] 4 CLJ 391, mahkamah menegaskan seperti berikut:

> ... the principles of sentencing have long been entrenched and well settle in our criminal law jurisprudence and the court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following consideration:
>
> (a) the extent and seriousness of the offence committed;
>
> (b) the guilty person's antecedents; and
>
> (c) the public interest.

[22] Mahkamah ini mengambil 'judicial notice' bahawa kumpulan IS telah mula wujud selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq dalam tahun 2003 dan bertambah besar dan berpengaruh selepas tentera Amerika Syarikat keluar dari Negara Iraq dalam tahun 2011. Malahan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menetapkan usul bahawa Kumpulan IS adalah sebuah kumpulan pengganas, dan ini berlaku jauh lebih awal daripada tarikh OKT ditangkap pada 13 Oktober 2014, Justeru itu *mahkamah ini telah membuat keputusan bahawa Kumpulan IS adalah satu kumpulan pengganas bagi maksud* Akta 613 *dan terjumlah kepada tafsiran kumpulan pengganas,* pengganas, entiti pengganas dan harta benda pengganas di bawah s 130B Kanun Keseksaan.

[23] Seksyen 130J Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman bagi

kesalahan memberi sokongan kepada kumpulan pengganas, hendaklah dihukum dengan penjara seumur hidup atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun, atau denda dan bolehlah dirampas mana-mana harta yang telah digunakan atau diniat untuk digunakan untuk melakukan kesalahan itu. Walaupun hukuman bagi kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh tidak menetapkan hukuman pemenjaraan secara mandatory, namun memandangkan keseriusan kesalahan berkaitan dengan unsur keganasan, adalah wajar hukuman pemenjaraan dikenakan bagi memberikan tauladan kepada masyarakat umum supaya menjauhi kesalahan seumpama ini. *Kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan dalam menghadapi kesalahan yang melibatkan keganasan dengan tanpa mengira keganasan tersebut berlaku di dalam negara mahupun di luar negara*. Kepentingan awam hendaklah dalam keadaan kes ini sentiasa mengatasi kepentingan seseorang tertuduh.

[24] *Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh amatlah menjijikkan dan masyarakat mengutuk sekeras-kerasnya* perlakuan ini, lebih-lebih lagi kejadian yang malang ini *berlaku oleh anak bangsa sendiri*. Dalam kes: *Pendakwa Raya lwn Abdul Halim Ishak dan satu lagi* [2013] MLRAU 235; [2013] 9 CLJ 559 dinyatakan seperti berikut:

> ... denunciation, in the context of sentencing, is achived by the imposition of a sentence the severity of which makes a statement that the *offence in question is not to be tolerated by society either in general or in a specific instance*. The statement made may be directed at any combination of the public at large, victims, potential offenders and individual offenders. In part its aims are similar to that of deterrence, It has also been seen to be associated with retribution (Law Reform Commission New South Wales) ...

[25] Mahkamah ini juga menitik beratkan suatu pindaan undang-undang peruntukan berhubung kesalahan di bawah Kanun Keseksaan telah dimasukkan yang mana hukuman yang boleh dikenakan bagi sabitan ini telah dipinda melalui Akta A1210/2006 untuk mencerminkan hukuman yang lebih berat di mana kesalahan berkaitan dengan gerakan militant dan keganasan mempunyai hukuman maksima dan juga denda. Ini dengan sekaligus mencerminkan betapa seriusnya kesalahan seperti ini. Di sini mahkamah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 MLRH 23; [1976] 1 LNS 102 di mana YA Hashim Yeop A Sani menjelaskan tujuan suatu pindaan undang-undang di buat, seperti berikut:

> ... The amendment passed by Parliament ... reflect the public policy. It must be presumed that behind the policy is the consideration of public interest. The change in the attitude of the legislature itself during the last three years reflects the seriousness of the problem.

[26] Dalam menentukan tempoh pemenjaraan yang bersesuaian terhadap tertuduh, mahkamah ini juga telah mengambilkira fakta serta keadaan yang

berlaku dalam kes ini serta faktor-faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. Sungguhpun keterangan menunjukkan bahawa tertuduh telah memberikan sokongan dan telah memainkan peranan sera bernaung didalam kumpulan pengganas Islamic State semasa berada di Syria, *tetapi tertuduh sendiri tidak pernah berbalah (bersumpah) kepada kumpulan Islamic State* tersebut. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa tertuduh lebih berhati-hati dan setelah menyedari kesilapan yang dilakukan itu serta penglibatannya yang selama ini hanyalah suatu penganiayaan dan sia-sia, maka *tertuduh telah membuat keputusan untuk pulang segera ke Malaysia dan tidak lagi bergiat dengan kumpulan Islamic State*. Walaupun terdapat satu perancangan yang rapi, ianya tidak dilakukan oleh tertuduh sendiri tetapi telah diatur sedemikian rupa oleh pihak rakan-rakannya iaitu Mohamad Fauzi bin Misrak (dikenali sebagai Abu Dayyan), Mohamad Na'im bin Abd Rashid (dikenali sebagai Abu Naim) dan Aqif Heusen bin Rahizat (dikenali sebagai Abu Suffian). Mahkamah ini akur bahawa melalui fakta-fakta kes, tertuduh juga menjalani latihan ketenteraan bersama-sama rakannya semasa berada di Syria. Tertuduh juga dikatakan telah menyertai peperangan semasa berada di Syria dan melepaskan tembakan, tetapi mahkamah ini tiada mendapati apa-apa fakta yang menjuruskan kepada perbuatan dan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh itu mempengaruhi mana-mana pihak di negara ini untuk menyertai perjuangan di Syria.

[27] *Mahkamah ini juga mengambil kira bahawa rakan-rakannya yang bersama-sama dengannya juga telah dituduh di lain-lain mahkamah atas kesalahan yang sama dan membuat pengakuan bersalah. Yang Arif Hakim telah menjatuhkan hukuman empat tahun setengah daripada tarikh tangkap.* Mahkamah ini turut mengambil kira kes Mahkamah Agong *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167; [1987] 1 MLRA 43; [1987] 2 CLJ 405:

> in assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering firstly, the gravity of the type of offence committed, secondly, the facts in the commission of the offence, thirdly, the presence or absence of mitigating factors and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any. The fact that a sentence of imprisonment is imposed as a deterrence does not justify the sentence in passing a sentence of greater length than what the facts of the offence warrant. The gravity of the type of offence involved must be considered in the light of the particular facts of the offence.

[28] Tertuduh hanya mempunyai pendidikan setakat SPM dan telah mengalami kegagalan dalam pelajaran di peringkat sekolah serta *terpesong dalam ajaran agama* telah menyebabkan tertuduh mudah terpengaruh. *Umur tertuduh yang masih muda* (38 tahun masa kejadian) dan bekerja hanya sebagai tukang rumah menyebabkan tertuduh tidak begitu matang serta berfikiran

suntuk untuk memikirkan akibat daripada perbuatannya. Kedua-dua ibu bapa OKT telah pun meninggal dunia.

[29] Mitigasi utama tertuduh yang wajar diberikan penekanan adalah faktor bahawa tertuduh telah mengaku bersalah dan bahawa tertuduh adalah *pesalah pertama*. Tertuduh adalah orang-orang yang *terawal telah mengaku salah* terhadap pertuduhan di bawah kesalahan berkaitan dengan keganasan. Dengan mengaku salah, tertuduh telah dapat menyelamatkan masa dan perbelanjaan semua pihak. Saksi-saksi tidak perlu dipanggil oleh pihak pendakwaan. Mahkamah ini percaya bahawa pihak pendakwaan mempunyai tugas yang amat berat untuk membuktikan pertuduhan sekiranya perbicaraan penuh diadakan terutamanya untuk mendapatkan keterangan daripada pihak Syria dan Istanbul. Selain kes terhadap tertuduh, terdapat sebilangan kes yang seumpamanya yang masih tertunggak menunggu keterangan daripada pihak yang sama, dengan hukuman penjara yang tidak begitu lama adalah diharapkan lebih ramai tertuduh akan mengikuti jejak langkah tertuduh untuk mengaku salah dan kes tertunggak dapat diselesaikan segera.

[30] Faktor ini juga telah saya ambil kira dalam menentukan tempoh hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh. Sebagai *pesalah muda dan juga sebagai pesalah pertama*, hukuman pemenjaraan untuk tempoh yang panjang tidak membawa sebarang kebaikan kepada masyarakat dan kepentingan awam. Hukuman penjara yang lama juga tidak membawa kebaikan kepada tertuduh dan keluarganya, malahan akan mendatangkan lebih keburukan. Saya berpandangan bahawa kepentingan awam lebih terjaga dan terpelihara sekiranya tertuduh tidak dipenjarakan untuk suatu tempoh yang terlalu lama. Tempoh pemenjaraan yang singkat, pada hemat saya telah mencapai matlamat memberi pengajaran serta pemulihan kepada masyarakat umum dan juga tertuduh.

[31] Dalam meneliti fakta kes ini, saya amat tertarik dengan hujahan peguambela apabila memetik kes *Pendakwa Raya lwn Ummi Kalsom Bahak* [2015] MLRHU 870; [2015] 7 CLJ 503 dimana di peringkat Mahkamah Tinggi, Yang Arif Hakim Kamardin Hashim telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap tertuduh. Kes ini juga telah dirayu oleh pihak timbalan pendakwa raya hingga ke Mahkamah Persekutuan (rujuk No Kes 05–172–08 Tahun 2015) dan Mahkamah Persekutuan juga telah *mengesahkan hukuman penjara selama dua tahun* dan menolak rayuan pihak pendakwa raya. Saya telah meneliti penghakiman Mahkamah Rayuan (No 05(S)-94–04(15), tetapi tiada mendapat apa-apa perintah bertulis Mahkamah Persekutuan, tetapi semasa menulis alasan penghakiman ini saya meneliti keratan akhbar *The Star* bertarikh 21 Januari 2016 yang menerangkan penghakiman Mahkamah Persekutuan yang saya petik dalam Bahasa Inggeris seperti begini:

Freedom at hand for lover of IS militant

No extra jail term for Malaysian who wanted to go to Syria.

Putrajaya: A former aufit assistant could not contain her happiness after the Federal Court rejected an appeal to extend her two year jail term.

The 26 years old woman will walk free from the Kajang prison within two weeks.

Ummi Kalsom Bahak had been in jail for intending to marry a militant and attempting to lend support to the Islamic State movement.

From the dock, Ummi Kalsom looked cheerful as she repeatedly turned around to speak to her equally elated family members seated in the public gallery.

Yesterday, Court of Appeal president Justice Md Raus Sharif, who chaired a five man panel, dismissed an appeal by the prosecution to enchance her jail term.

'The facts of the case show that she was not involved in terrorism. The purpose of the respondent was to marry the person she loved', said Justice Md Raus.

The judge said the panel found that there was no reason to change the decision of the High Court, which had imposed the two-year jail term for the offence.

Deputy public prosecutor Awang Armadajaya Awang Mahmud yesterday applied to have Ummi Kalsom's jail term increased from two to seven years enable her to undergo 'rehabilitation counseling'.

DPP Awang Armadajaya reasoned that her jail term was insufficient for her counseling process.

However, lead counsel Datuk Hanif Hassan applied for the sentence to be upheld, saying that his client was scheduled to be released on Feb 5.

'She is prepared to return to society. She wants to help the appropriate parties create awareness on the danger of the terrorist movement', he said.

Hanif also informed the court that Ummi Kalsom had only wanted to marry her lover and asked the court to give consideration over her interest as she had admitted to the offence.

A court of Appeal had in July last year upheld her jail term.

Ummi Kalsom was charged on Nov 1, 2014 with offering support, including agreeing to marry known militant Aqif Huessin Rahaizat, 26, by boarding an AirAsia flight to Brunei on her journey to Istanbul.

The accused, who was working in Damansara at the time, was arrested at the Immigration counter at KLIA2 at about 5.20am on Oct 5, 2014.

She was sentenced to two years in jail by the High Court in March last year.

Ummi Kalsom, who is the third of six siblings, had claimed trial in the Sessions Court when *she was charged under* Section 130J of the Penal Code for aiding terror activities.

She changed her plea when the case was brought before the High Court.

Ummi Kalsom faced an alternative charge of flying from KLIA2 to Brunei to give support to IS by entering Syria, after flying from Brunei to Istanbul with the intention to marry Aqif Huessin for the benefit of the militant group.

Berdasarkan kepada penghakiman Yang Arif hakim-hakim Mahkamah

Rayuan dan Yang Arif hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, *saya mendapati tertuduh dalam kes ini hanyalah berperanan untuk cuba mengikuti jejak langkah rakan-rakannya untuk berjuang ke Syria* tanpa mengetahui perkara-perkara lain. *Tertuduh bukanlah perancang utama dalam misi dan mengetuai perjuangan ke Syria*.

[32] Atas alasan-alasan tersebut diatas, saya berpandangan hukuman PENJARA LIMA TAHUN mulai dari tarikh tangkap (27 November 2014) terhadap tertuduh adalah memadai dan setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan. Hukuman itu dirasakan adalah sesuai di dalam keadaan dan situasi kes terhadap tertuduh dalam kes ini. Saya berterima kasih kepada pihak-pihak TPR dan peguam dalam melupuskan kes perbicaraan ini dengan segera.

Tertuduh disabitkan dan dihukum.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar